

Najib Sampai Pingat Kedaulatan Negara Kepada 33 Petugas Operasi Daulat Bernama
13 April, 2013

LAHAD DATU, 13 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak menyampaikan Pingat Kedaulatan Negara kepada 33 pegawai dan anggota pasukan keselamatan dan agensi kerajaan yang terlibat sepanjang Operasi Daulat.

Upacara itu diadakan di Dewan Desa Kencana, Felda Sahabat, Sabtu, di hadapan lebih 7,000 penduduk, termasuk pasukan keselamatan yang bertugas dalam Operasi Daulat.

Pingat sebagai penghargaan terhadap pengorbanan pasukan keselamatan mempertahankan kedaulatan Sabah diberikan kepada pegawai dan anggota Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) dan Pasukan Sukarelawan Malaysia.

Turut menerima pingat yang sama adalah petugas Jabatan Penerangan Malaysia, Persatuan Bulan Sabit Merah, Jabatan Hal Ehwal Khas dan Pengurus Felda Sahabat.

Antara penerima dari ATM ialah Jen Datuk Ranjit Singh Ramday, Left Komander Fadzli Talib, Mejar Pang Kok Leong, Mejar Hariyanto Mohd Ali, Staf Sarjan Jamaludin Mohd Ali dan Laskar Udara Kanan Teffany Jolisabat.

Penerima komando Vat 69 ialah Kpl Mohd Tarmizi Hashim, SM Sakrani Hashim, SM Shahrulizam Mohd Hashim, Kpl Azman Ampong, L/Kpl Mohamed Qaiyum Aiqal Zolkifli dan L/Kpl Shahril Azrul Maidin.

Operasi Daulat bermula pada 5 Mac lepas bagi membanteras kumpulan penceroboh bersenjata Sulu dari selatan Filipina, telah mengorbankan sepuluh anggota pasukan keselamatan.

Turut hadir Menteri Pertahanan Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, Menteri Dalam Negeri Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein, Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah Datuk Seri Shafie Apdal, Panglima Angkatan Tentera Jen Tan Sri Zulkifeli Mohd Zain dan Ketua Polis Negara Tan Sri Ismail Omar.

Fadzli berkata penghargaan yang diterima akan memberi semangat kepada seluruh pasukannya untuk terus berjuang mempertahankan kedaulatan negara.

Katanya ketika menjalankan operasi, pasukannya berjaya menumpaskan beberapa orang penceroboh yang bersembunyi di Semporna.

Sementara itu Komander Pusat Operasi JPAM Felda Sahabat Kol Abdul Wahab Rahim terharu kerana sumbangan mereka sepanjang Operasi Daulat diharga menerusi pemberian pingat itu.

JPAM menguruskan proses pemindahan, bantuan perubatan serta bantuan lain kepada penduduk yang terjejas dalam operasi itu.

"Risiko yang kita hadapi ialah mengenai tahap keselamatan ketika berkhidmat di kawasan zon merah," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=941863>